Zakat

Gaji Dan Pendapatan Profesional

Prof Madya Mahmood Zuhdi Ab. Majid*

Pendahuluan

Dalam penggunaan harian, gaji bermaksud suatu bentuk upah tertentu yang dibayar oleh majikan sebagai ganjaran kepada kerja atau perkhidmatan yang dilakukan. Walau bagaimanapun, dalam konteks perbincangan ini ia membawa pengertian yang lebih luas.

Gaji yang dimaksudkan ialah segala bentuk habuan yang diberi, sama ada dalam pengertiannya yang sempit atau elaun, imbuhan, sumbangan, faedah dan sebagainya. Pokoknya, ia boleh disimpulkan di bawah istilah 'ganjaran' hasil kerja atau perkhidmatan.

Kedudukan majikan sebagai pihak yang membayar tiada hubungan dengan huraian ini. Apa yang penting ialah pendapatan tersebut merupakan ganjaran bagi kerja atau perkhidmatan yang dilakukan. Tidak menjadi persoalan sama ada pihak yang memberi itu majikan atau pelanggan selagi pendapatan bukan hasil atau faedah pelaburan harta yang telah sedia ada. Oleh itu, segala bentuk pendapatan daripada

---

* *Prof. Madya di Fakulti Syariah Universiti Malaya dalam bidang Perundangan Islam. Penulis buku Sejarah Perkembangan Hukum Islam terbitan Universiti Malaya ini merupakan calon Doktor Falsafah, Fakulti Syariah, Universiti Malaya.*

kerja sendiri atau kerja profesional perlu dikaitkan dengan istilah gaji.

Persoalan yang perlu dipecahkan dalam tulisan ini ialah apakah pendapatan sedemikian boleh dibayar zakat daripadanya atau tidak? Sekiranya boleh, bagaimana pula kaedah pengurusannya?

Latarbelakang

Dalam penulisan lama hukum Islam, tiada perbincangan secara tepat dan serius berhubung dengan masalah ini. Hanya beberapa idea pokok daripada pelbagai sumber yang menjadi asas perbincangan diperbincangkan. Hal ini mungkin kerana soal gaji belum berbangkit pada waktu itu.

Pendapatan profesional mungkin tidak seberapa berbanding dengan keuntungan daripada perniagaan atau hasil pertanian dan ternakan.

Pada zaman ini, orang yang paling lantang mencadangkan gaji dan pendapatan profesional dikenakan zakat ialah Dr. Yusof al-Qardhawi, ulama dan penulis terkenal di Timur Tengah. Cadangan tersebut disarankan dalam bukunya yang terkenal *Fiqh az-Zakat.*[1]

Di Malaysia, pandangan beliau telah diterima di kalangan umat Islam, termasuk sesetengah ahli akademik dan pentadbir hal-ehwal Islam. Malah usaha melaksanakan idea berkenaan sedang giat dijalankan oleh sesetengah pihak.

Walau bagaimanapun, pandangan sedemikian merupakan kontroversial kerana bertentangan dengan pendapat masyarakat Islam Malaysia yang diterima secara tradisi.

Menurut Dr. Yusof al-Qardhawi, pandangan tersebut pernah diperkatakan oleh para guru beliau seperti 'Abdur-Rahman Hasan, Muhammad Abu Zuhrah, 'Abdul-Wahab Khallaf dan Muhammad al-Ghazali.[2] Malah, idea ini telah lama disebut dan dibincangkan dengan terperinci dalam buku *al-Muhalla* oleh Ibn Hazm (M. 546 H.), *al-Mughni* oleh Ibn Qudamah (M. 630 H.), *Subulus-Salam* karangan al- Kahlani (M. 1182 H.) dan *ar-Raudhun-Nadhir* tulisan Syarafud-Din asy-San'ani (M. 1221 H.).

Asas Pandangan

Bagi menyokong pendapatnya, al-Qardhawi menggunakan konsep Harta Perolehan" (المال المستفاد). Beliau menghuraikan harta berkenaan sebagai sebarang perolehan baru yang diperoleh secara halal.[3] Menurutnya, konsep harta perolehan termasuklah gaji, pendapatan profesional, pendapatan daripada modal yang tidak diperniagakan dan sebagainya.[4]

Menurut beliau lagi, sekiranya harta perolehan merupakan keuntungan daripada harta yang sebelumnya telah dizakatkan, seperti harta perniagaan, pembiakan ternakan secara komersial dan sebagainya. Maka perolehan itu perlu dicampurkan dengan kumpulan asal dan sebahagian daripadanya termasuk dalam perkiraan '*haul*' dan '*nisab*'. Hal ini kerana perkaitan antara dua kumpulan itu sangat rapat. Berasaskan kaedah ini, segala modal dan keuntungan tadi dizakatkan secara bersama.

Menurutnya, inilah bentuk zakat yang biasa difahami.[5]

Sebaliknya, jika perolehan berkenaan merupakan harga kepada harta yang telah dizakatkan dan belum sampai haulnya. Contohnya, harga jualan hasil tanaman yang telah dizakatkan atau harga hasil ternakan yang telah dizakatkan. Maka ia tidak akan dikenakan zakat pada waktu itu bagi mengelakkan dua kali zakat.[6]

Persoalan sebenar, katanya, ialah berkenaan perolehan yang bukan keuntungan pelaburan daripada sebarang harta yang dimilikinya. Sebaliknya diperoleh melalui satu cara tersendiri seperti dalam bentuk upah atas sebarang kerja yang dilakukan, pendapatan daripada modal yang tidak diperniagakan, hadiah dan sebagainya. Apakah pendapatan atau perolehan seperti ini perlu menunggu cukup haul setahun sebelum dikenakan zakat atas asas ia adalah wang simpanan. Bolehkah ia dicampurkan saja dengan kumpulan sejenis yang sudah ada dan haulnya dikira mengikut harta asal itu, ataupun akan terus dipungut zakat daripadanya sesudah cukup nisab dan tiada halangan lain seperti tanggungan hutang dan keperluan asasi?

Menjawab persoalan ini, beliau mengakui bahawa pendapat popular di kalangan ulama fiqh memilih jalan pertama, iaitu mensyaratkan haul dan mengambil zakat daripadanya sebagai harta simpanan.[7] Walau bagaimanapun, beliau tidak memilih pandangan popular itu tetapi memilih alternatif hukum yang ketiga, iaitu terus mengambil zakat daripada kumpulan perolehan berkenaan secara tersendiri tanpa tertakluk kepada syarat haul.

Membincangkan perbezaan pendapat ini, pertama sekali beliau menyebut bahawa para sahabat juga mempunyai pandangan yang berbeza dalam masalah ini. Katanya, Ibnu 'Abbas, Ibnu Mas'ud dan Mu'awiah berpegang dengan pendapat ketiga,[8] sedangkan 'Ali, Ibnu 'Umar, Anas dan 'Aisyah berpendapat sebaliknya.[9] Pendapat ini, kemudiannya diterima di kalangan generasi tabi'in pada peringkat yang berbeza. Antara mereka yang menyokong pendapat ketiga pada waktu itu ialah Imam al-Baqir, Imam as-Sadiq, Imam an-Nasir dan Daud az-Zahiri. Diriwayatkan bahawa 'Umar Ibn 'Abdul-'Aziz, al-Hasan al-Basri, az-Zuhri dan al-Auza'i juga menyokong pandangan ini.[10]

Huraian yang dibuat oleh al-Qardhawi berkenaan pandangan para sahabat dan tabi'in ada persamaannya dengan huraian dalam buku *al- Muhalla*[11] oleh Ibnu Hazm (M. 546 H.). Walau bagaimanapun, perselisihan pendapat ini tidak diceritakan oleh Ibnu Qudamah (M. 620 H.) dalam kitabnya *al-Mughni*. Biasanya Ibn Qudamah sering menceritakan tentang sesiapa yang berbeza pendapat. Apa yang disebutkan oleh Ibnu Qudamah hanyalah satu riwayat berkenaan pandangan Ahmad Ibn Hanbal sahaja,[12] khusus mengenai pendapatan daripada sewa rumah

Ternyata daripada huraian di atas bahawa pada peringkat generasi tabi'in, majoriti fuqaha sependapat dengan 'Ali, Ibnu 'Umar, Anas dan 'Aisyah. Sedangkan fuqaha yang berpendirian seperti Ibnu 'Abbas, Ibnu Mas'ud dan Mu'awiah hanyalah segelintir sahaja. Mereka terdiri daripada tokoh Syi'ah, iaitu Imam as-Sadiq, Imam al-Baqir, Imam an-Nasir dan pengasas mazhab az-Zahiri, Daud az-Zahiri. Manakala riwayat tentang pandangan tokoh mazhab Sunni, seperti 'Umar Ibn 'Abdul-'Aziz, al-Hasan al-Basri, az-Zuhri dan al-Auza'i tidak begitu jelas.[13]

Berkenaan pandangan fuqaha zaman mazhab pula, al-Qardhawi menyebut bahawa dasar pengambilan zakat secara terus daripada '*per olehan baru*' atau '*al-Mal al-Mustafad*' ini ditolak oleh Imam Abu Hanifah, Imam Malik dan Imam Syafi'i. Beliau tidak pula menyebut pandangan Imam Ahmad Ibn Hanbal, dan tiada bayangan daripada kata- kata beliau bahawa imam tersebut berpendapat sebaliknya. Al-Qadhawi banyak menyebut tentang kenyataan Ibnu Hazm dalam bukunya *al-Muhalla* yang mempertikaikan pendapat para Imam Sunni dan mengatakan bahawa ia bertentangan dengan pegangan imam mazhab beliau iaitu Daud az-Zahiri.[14]

Kenyataan ini boleh menyimpulkan bahawa pada asasnya pungutan zakat secara terus dan tanpa syarat haul daripada harta perolehan baru atau al-Mal al-Mustafad itu ialah pendapat mazhab Syi'ah dan mazhab Zahiri sahaja. Malah pendapat tersebut ditentang oleh mazhab Sunni. Kesimpulan ini sebenarnya sesuai dengan kenyataan ulama mazhab Zahiri, Ibnu Hazm dalam bukunya al-Muhalla.

Walau bagaimanapun, pendapat mazhab bukan menjadi perkara asasi dalam bidang perhukuman Islam. Apa yang lebih penting ialah pendapat yang manakah lebih sesuai dengan kehendak nas Syarak, sama ada secara langsung atau tidak, termasuk soal berkaitan kepentingan masyarakat semasa.

Dalil-dalil Hukum

Persoalan sebenar sebagaimana disebutkan oleh al-Qardhawi, bukan apakah harta perolehan itu wajib dikenakan zakat atau tidak, tetapi apakah pungutan zakat daripadanya itu tertakluk kepada syarat haul atau tidak. Dengan perkataan lain, apakah pungutan zakat daripada gaji dan pendapatan profesional itu akan terus dibuat pada waktu ia diterima, kalau cukup nisab, seperti yang dikenakan ke atas hasil pertanian. Ataupun perlu ditentukan haul iaitu pungutan hanya dibuat sekali setahun dengan syarat nisab yang ada sepertimana dilakukan ke atas wang simpanan.

Di sinilah sebenarnya perbezaan pendapat antara fuqaha mazhab Sunni di sebelah pihak dan fuqaha mazhab Syi'ah dan mazhab Zahiri di pihak lain. Malah, di sini juga terletak perbezaan pendapat antara 'Ali, Ibnu 'Umar, Anas dan 'Aisyah (r.a.) di satu pihak manakala Ibnu 'Abbas, Ibnu Mas'ud serta Mu'awiah (r.a.) di pihak lain.

Sebelum pandangan serta hujah setiap mazhab ini dihuraikan lebih lanjut, adalah baik dijelaskan bahawa setakat yang dapat diperhatikan,[15] tiada perbezaan pendapat di kalangan fuqaha tentang perlunya syarat haul dalam pungutan zakat ke atas binatang ternakan, emas dan perak, wang ringgit dan barang perdagangan. Pada asasnya hukum tersebut berdasarkan sabda Rasulullah (s.a.w.):

لا زكاة فى مال حتى يحول عليه الحول

– رواه الدارقطنى والبيهقى من حديث ابن عمر

"Tidak wajib zakat pada sesuatu harta kecuali sesudah cukup haul."

Diriwayatkan oleh ad-Daraqutni
dan al-Baihaqi daripada Ibnu `Umar.

Di samping itu, mereka juga sependapat[16] tidak dikenakan syarat haul atas zakat hasil tanaman. Hal ini kerana al-Quran menyebut bahawa zakatnya perlu diberikan segera. Firman Allah:

وهو الذين انشأجنات معروشات وغير معروشات والنخل والزرع مختلفا
اكله والزيتون والرمان متشابها وغير متشابه كلوا من ثمره اذا اثمرو
اتواحقه يوم حصاده.

"Dialah yang menjadikan kebun yang berjunjung dan yang tidak berjunjung, pohon kurma, tanaman yang bermacam-macam buahnya, zaitun dan delima yang serupa (bentuk dan warnanya) dan tidak sama (rasanya). Makanlah daripada buahnya (yang bermacam-macam itu) bila ia berbuah dan tunaikanlah haknya (zakatnya) pada hari memetik hasilnya."

(al-An`am: 141)

Berasaskan nas yang sama, fuqaha hampir sependapat[17] bahawa galian dan *rikaz* (harta karun) juga tidak disyaratkan haul. Kata Ibnu Qudamah, galian adalah harta yang diperoleh dari tanah, maka ia tidak dikenakan haul sebagaimana hasil tanaman dan tumbuhan.[18]

Persetujuan antara fuqaha berhubung dengan cara pungutan zakat daripada harta yang tersebut di atas tidak berlaku sebagaimana cara memungut zakat daripada perolehan yang menjadi pokok perbincangan kita. Sebagaimana telah dijelaskan, ulama banyak bertelingkah dalam masalah ini sejak zaman para sahabat.

Sebab utama pertelingkahan pendapat ini ialah tentang dalil mana yang perlu diutamakan dalam kes sedemikian. Hal ini bukan kerana pengertian umum hadis Ibnu 'Umar dan '*qiyas*' hanya terkandung dalam ayat 141 surah al-An'am, tetapi juga terdapat hadis dan athar yang khusus berkaitan dengan harta perolehan atau *al-Mal al-Mustafad*. Persoalannya, apakah pengertian umum hadis Ibnu Umar masih boleh digunakan meskipun bertentangan dengan qiyas yang berasaskan nas. Bagaimana pula peranan hadis khusus tentang harta perolehan atau *al-Mal al-Mustafad*.

Pertentangan antara kehendak hadis Ibnu 'Umar yang umum dan kehendak qiyas atas hasil tanaman yang hukum asalnya berasaskan nas al-Quran, kita mungkin berpendapat bahawa pengertian umum hadis berkenaan perlu diutamakan. Hal ini terutamanya kerana qiyas tidak begitu jelas dan tidak mempunyai asas yang kukuh. Mungkin atas alasan ini, maka Ishak dan Ibnu al-Munzir mengenakan syarat haul dalam masalah zakat galian. Padahal jumhur mengatakan bahawa hasil tanaman dan galian ada persamaannya iaitu kedua-duanya merupakan hasil bumi.

Walau bagaimanapun, pengertian umum hadis itu harus diketepikan sekiranya bercanggah dengan hadis atau hadis-hadis lain yang secara khusus berkenaan harta perolehan atau *al-Mal al-Mustafad*. Syaratnya, hadis itu atau hadis yang berkaitan perlulah mempunyai kedudukan yang kukuh dari segi riwayat dan pengertian yang jelas berhubung dengan persoalan berkenaan. Sekiranya tidak, pengertian umum hadis

itu perlu dipertahankan.

Penelitian menunjukkan bahawa memang terdapat hadis khusus seperti ini. Malah bukan sahaja yang boleh menjadi asas kepada salah satu daripada dua pendapat di atas, sebaliknya setiap pendapat brkenaan terdapat hadis atau hadis khusus yang menyokongnya. Keadaan ini lebih merumitkan lagi kerja pertimbangan yang perlu dibuat. Hanya kewibawaan hadis-hadis tersebut sama ada dari segi '*riwayah*' atau '*dirayah*' yang boleh menentukan kedudukan.

Antara hadis yang khusus tentang *al-Mal al-Mustafad ini*, terdapat satu hadis menyokong pandangan yang mengatakan wajib dikenakan haul dalam memungut zakat harta kumpulan ini. Hadis tersebut ialah riwayat at-Termizi daripada 'Abdur-Rahman Ibn Zaid Ibn Aslam daripada bapanya daripada Ibnu 'Umar bahawa Rasulullah (s.a.w.) bersabda:[19]

من استفاد مالا فالا زكاة عليه حتى يحول عليه الحول عند ربه
– رواه الترمذى

Sesiapa sahaja yang memperolehi harta maka tidak dikenakan zakat atas harta itu sehingga cukup haul dalam milik tuannya."

(Hadis riwayat at-Termizi)

Hadis Ibnu 'Umar ini sebenarnya diriwayatkan melalui banyak sal-silah. Selain daripada melalui salsilah yang tersebut, ia juga diriwayatkan oleh at-Termizi melalui Ayub daripada Nafi' daripada Ibnu 'Umar secara mauquf.

Walau bagaimanapun hadis ini boleh dipertikaikan kesahihannya. Kata Dr. Yusof al-Qardhawi, at-Termizi sendiri menyifatkan hadis berkenaan sebagai daif dan diriwayatkan secara mauquf.[20] Malah, kata beliau, sekiranya ditakdirkan hadis tersebut sahih tentu ia bukan bermaksud 'perolehan' yang dimaksudkan di sini. Menurutnya, penafsiran sedemikian boleh dibuat secara berkompromi antara dalil yang bercanggah tentang persoalan berkenaan.

Pandangan al-Qardhawi ini tidak sesuai dengan kenyataan al-Kahlani yang menyebut bahawa walaupun pada pendapat rajihnya hadis berkenaan mauquf, namun ia mempunyai nilai hadis marfu' kerana ia berhubung dengan persoalan di luar bidang ijtihad. Kata al-Kahlani, hadis ini boleh dianggap sahih kerana mendapat sokongan banyak athar daripada khulafa' ar-Rasyidin.[21]

Di samping hadis khusus yang menyokong syarat haul ini ada juga riwayat lain yang juga khusus tetapi memberi erti bahawa syarat haul tidak perlu dalam masalah zakat *al-Mal al-Mustafad* ini. Antara riwayat seperti itu ialah athar daripada Ibnu 'Abbas yang diriwayatkan oleh Abu 'Ubaid dalam *al-Amwal*.[22] Mengikut riwayat berkenaan, Ibnu 'Abbas menerangkan bahawa jika seseorang itu mendapat 'perolehan harta' dia perlu mengeluarkan zakat perolehan tersebut pada hari itu juga. Walau bagaimanapun Abu 'Ubaid menyebut bahawa maksud dari 'perolehan' dalam riwayat tersebut ialah 'hasil bumi'.[23]

Menurut Abu 'Ubaid, biasanya penduduk Madinah menggunakan istilah 'harta'

atau 'al-Amwal' bagi maksud 'tanah'. Kata Abu 'Ubaid lagi, tanpa pengertian sedemikian, saya tidak tahu bagaimana untuk kita memahami riwayat Ibnu 'Abbas itu.

Satu riwayat lain yang menyokong tidak perlunya syarat haul bagi zakat al-Mal al-Mustafad ialah riwayat Hubairah Ibn Yaryam bahawa Ibnu Mas'ud akan terus memungut zakat daripada sesuatu pemberian apabila memberi pemberian kepada orang. Riwayat ini juga adalah daripada Abu 'Ubaid dalam bukunya *al-Amwal*.[24]

Abu 'Ubaid menyebut bahawa Ibnu Mas'ud berbuat begitu ialah kerana sebelum harta berkenaan dijadikan pemberian, ia telah pun memenuhi syarat kewajipan zakat.[25]

Selain daripada dua athar di atas, terdapat satu athar lain yang disebut oleh Imam Malik dalam *al-Muwatta'*. Mengikut athar tersebut Ibnu Syahab mengatakan bahawa Mu'awiah mengambil zakat daripada pemberian 'al-Hadiyah'.[26] Begitu juga apa yang diriwayatkan oleh Abu 'Ubaid dalam al-Amwal bahawa 'Umar Ibn 'Abdul-'Aziz mengambil zakat daripada upah dan hadiah.[27]

Kedua-dua riwayat di atas juga tidak banyak menolong bagi menjelaskan keadaan. Riwayat tersebut hanya menggambarkan bahawa zakat dipungut daripada gaji, upah, hadiah dan sebagainya. Sedangkan persoalan sebenar dalam perbincangan ini apakah zakat atas harta sedemikian terikat dengan syarat haul atau sebaliknya.

Dari kedudukan hadis dan athar di atas ternyata bahawa persoalannya rumit dan tidak begitu jelas. Walaupun riwayat tersebut bersifat khusus berhubung dengan harta perolehan atau *al-Mal al-Mustafad*, pada keseluruhannya tidak memberi cukup penjelasan terutama apabila berlaku perselisihan pendapat di kalangan ulama dalam menafsirkan kehendak-kehendaknya. Mungkin kerana inilah as-Syeikh Muhammad Abu Zuhrah tidak melepaskannya daripada ikatan syarat haul, meskipun berminat tentang zakat gaji. Dalam '*Halaqah ad-Dirasat al- Ijtima'iyah*',[28] beliau menyebut:

"Adapun pendapatan kerja dan profesional, maka diambil zakat daripadanya jika cukup haul dan nisab."

Dalam sebuah kertas kerja beliau yang dibentangkan dalam perhimpunan penyelidikan Islam '*Majma' al-Buhuth al-Islamiyah*' Universiti al-Azhar pada tahun 1965,[29] soal zakat gaji dan pendapatan profesional ini tidak ditimbulkan langsung. Meskipun dalam perbincangan tersebut beliau mencadangkan supaya zakat dipungut daripada hasil sewaan bangunan yang dibina untuk pelaburan, kilang pengeluaran, saham dan sebagainya, tetapi beliau tidak menyebut tentang gaji dan pendapatan profesional.[30] Malahan, dalam mengulas tentang asas pengeluaran zakat atas harta tersebut, beliau menjelaskan bahawa harta tersebut sebenarnya bersifat pelaburan.[31] Menurut beliau, pandangan beliau ini berasaskan ke-pada fatwa 'Umar Ibn al-Khattab (r.a.) yang mengambil zakat daripada ternakan kuda secara komersial dan fatwa Imam Ahmad Ibn Hanbal yang mengenakan zakat atas sewa rumah.[32] Kata beliau, 'Umar (r.a.) sedar terdapat hadis melarang pungutan zakat atas kuda, tetapi dia faham bahawa larangan ini berlaku bagi kuda tunggangan sebagaimana yang ada pada zaman Nabi (s.a.w.) dan yang dipelihara secara komersial sebagaimana yang telah muncul pada zamannya.[33]

Pandangan as-Syeikh Muhammad Abu Zuhrah tidak seperti al-Qardhawi yang

menjadikan konsep *al-Mal al-Mustafad* sebagaimana riwayat hadis dan athar sebagai asas kepada pengenaan zakat atas sumber baru pendapatan atau kekayaan yang terdapat kini. Sebaliknya beliau menggunakan cara '*maslahah*' yang sangat popular dilakukan oleh 'Umar Ibn al-Khattab (r.a.), bukan sahaja dalam masalah zakat kuda tetapi dalam pelbagai kes.

Berasaskan kenyataan dalam masalah ini, penggunaan cara maslahah bukan membelakangkan nas. Hal ini kerana meskipun nas itu ada namun kesemuanya tidak boleh menjelaskan keadaan sebagaimana sepatutnya, sama ada kerana ia terlalu umum atau kerana kedudukannya tidak kuat.

Pendirian seperti ini disokong oleh al-Qardhawi. Walaupun pada peringkat awal, beliau banyak mengemukakan alasan secara nas bagi menegakkan teori *al-Mal al-Mustafad* beliau, namun akhirnya beliau kembali kepada konsep maslahah juga. Beliau banyak menyebut tentang keadilan yang perlu ditegakkan dalam soal pembayaran zakat antara pegawai dan ahli profesional yang berpendapatan bulanan atau harian yang besar. Para petani kecil kini dibebankan dengan bayaran sebanyak sepuluh peratus atas pendapatan tahunan mereka yang kecil. Kata beliau, besar kemungkinan para pegawai dan ahli profesional ini terdiri daripada orang yang boros dan tidak menyimpan pendapatan mereka sehingga setahun, ataupun terus melabur dan tiada peluang langsung untuk dipungut zakat harta perolehan daripada kumpulan tersebut.[34]

Dapat diambil kesimpulan bahawa meskipun nas tidak banyak membantu fatwa pemungutan zakat gaji dan pendapatan profesional tanpa tertakluk kepada syarat haul berasaskan teori *al-Mal al-Mustafad*, namun maslahah atau kepentingan semasa masyarakat menyokong kuat fatwa sedemikian. Penggunaan konsep maslahah adalah sesuai dan tidak bertentangan dengan kaedah pembinaan hukum Islam yang diterima umum. Meskipun maslahah merupakan sumber subsidiari dalam perundangan Islam namun ia boleh dipegang dalam keadaan sebegitu, iaitu apabila tiada panduan jelas daripada nas atau qiyas yang berasaskan nas.

Sebagai hukum yang berasaskan maslahah, pungutan zakat daripada gaji dan pendapatan profesional ini perlu dilihat sebagai fatwa semasa yang tidak mengurangi kejituan fatwa lepas. Di samping itu, kemungkinan ia menerima perubahan tidak dinafikan kerana perubahan kepentingan masyarakat juga tidak boleh ditolak.

Nota Kaki

1. Mu'assasah ar-Risalah, Beirut, ed. ke 3, Jld. 1, ms. 487-520.
2. Lihat: *Fiqh az-Zakat*, Jld. 1, ms. 489 dan 501.
3. Ibid, ms. 490.
4. Ibid, ms. 491.
5. Ibid.
6. Ibid.
7. Ibid, ms. 492.
8. Ibid, ms. 491.
9. Ibid, ms. 492.
10. Ibid, ms. 491.
11. Ibnu Hazm, *al-Muhalla*, Jld. 6, ms. 106.
12. Ibnu Qudamah, *al-Mughni*, Jld. 3, ms. 57.
13. Keadaan ini diakui sendiri oleh al-Qardhawi. Lihat: Fiqh az-Zakat, op.cit., Jld. 1, ms. 499. Bandingkan: Ibnu Hazm, al-Muhalla, op.cit., Jld. 6, ms. 107.
14. Al-Qardhawi, Ibid, Jld. 1, ms. 504.
15. Lihat; Ibnu al-Humam, *Fath al-Qadir*, Jld. 2, ms. 155; Ibnu Rusyd, *Bidayah al-Mujtahid*, Jld. 1, ms. 261, 263; as-Syirazi, *al-Muhazzab*, Jld. 1, ms. 143; Ibnu Qudamah, *al-Mughni*, Jld. 2, ms. 470 dan Jld. 3, ms. 60.
16. Ibid.
17. Kecuali yang diriwayatkan oleh Ishaq dan Ibnu al-Munzir. Lihat: Ibnu Qudamah, al-Mughni, Jld. 3, ms. 55.
18. Ibnu Qudamah, Ibid. Lihat juga: an-Nawawi, *al-Majmu'*, Jld. 6, ms. 76.
19. Lihat: Al-Kahlani, *Subulus-Salam*, Jld.1, ms. 129.
20. Al-Qardhawi, op.cit., Jld. 1, ms. 499.
21. Al-Kahlani, op.cit.

22. Abu 'Ubaid, *al-Amwal*, ms. 413.

23. Ibid. ms. 414.

24. Rujuk riwayat ini dalam: Abu 'Ubaid, al-Amwal, op.cit., ms. 412.

25. Ibid.

26. Rujuk riwayat ini dalam: Malik, *al-Muwatta'* Jld. 2, ms. 95.

27. Rujuk riwayat-riwayat berkenaan dalam: Abu 'Ubaid, *al-Amwal*, ms. 432; Ibnu Abi Syaibah, *al-Musannaf*, Jld. 3, ms. 144.

28. *Halaqah ad-Dirasat al-Ijtima'iyah*, ms. 248, sebagaimana yang dinukilkan oleh al-Qardhawi dalam Fiqh az-Zakat, Jld. 1, ms. 489.

29. Al-Azhar, *Majma' al-Buhuth al-Islamiyah*, Muktamar ke 2, 1965, ms. 137-201.

30. Ibid, ms. 179-185.

31. Ibid, ms. 183.

32. Ibid, ms. 180, dinukilkan oleh Abu Zuhrah dari Manaqib Ahmad Ibn Hanbal, ms. 224.

33. Majma' al-Buhuth al-Islamiyah, op.cit., ms. 180. Lihat juga mengenai alasan al-Qardhawi, op.cit, Jld. 1, ms. 490.

34. Al-Qardhawi, op.cit., ms. 55-59.